



**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL • CENTER FOR SHAPING AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2  
Tarikh : 11 September 2023

Semua Pelajar Berdaftar  
Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)  
SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2022-2023**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 3 Sesi Akademik 2022-2023 akan diadakan pada **25 September hingga 1 Oktober 2023**.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak di SMPE mulai **18 September 2023**. **KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.**

Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila berhubung dengan Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.

Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, untuk perhatian saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**MAZUNA JAMALUDDIN**  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89272114 E-mel: upshape@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/ukmshape>